

Tiada aktiviti pengambilan air


Ekoran dakwaan air Sungai Pengorak ada logam tinggi

PEKAN - Tiada sebarang aktiviti pengambilan air dilakukan di Sungai Pengorak di Kuantan, yang didakwa mempunyai kandungan logam yang tinggi akibat aktiviti perlombongan bauksit, kata Exco Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Pahang, Datuk Seri Mohd Soffi Abdul Razak.

Beliau berkata, fungsi sungai itu hanya sebagai saluran dan tidak pernah dikeluarkan sebarang lesen atau permit untuk sebarang aktiviti.

"Tidak pernah ada loji yang mengambil air dari Sungai Pengorak. Ia tidak terlibat dengan sumber air untuk masyarakat sekeliling. Jabatan Perikanan juga tidak pernah mengeluarkan permit untuk sebarang aktiviti," katanya.

Kekeruhan air di sungai itu juga tidak sepenuhnya disebabkan aktiviti perlombongan



MOHD SOFFI

bauksit, kerana ia juga boleh disebabkan aktiviti lain seperti pertanian dan pembangunan, katanya selepas majlis perasmian karnival 'Ya Hijau' di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan tindakan akan diambil untuk mengurangkan kesan perlombongan bauksit termasuk memaklumkan Kuantan Port Consortium Sdn Bhd supaya bauksit yang dikumpulkan di situ 'dikepung' dan mempunyai

sistem saluran yang baik bagi menghalang ia mengalir ke Sungai Pengorak.

Sebelum ini, sebuah akhbar melaporkan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata tahap aluminium, kadmium, ferum dan mangan di Sungai Pengorak melebihi tahap yang ditetapkan Standard Kualiti Air Sungai kebangsaan.

Haiwan eksotik jadi peneman setia

KUANTAN - Rasa cinta yang mendalam terhadap haiwan eksotik mendorong pencinta haiwan tersebut menubuhkan persatuan bagi berkongsi minat dengan orang ramai melalui pelbagai aktiviti pameran yang disertai.

Pengerusi Persatuan Pencinta Haiwan Eksotik Pahang, Aziz Jaafar Ahamad berkata, persatuan yang kini mempunyai kira-kira 25 ahli itu merupakan pemilik haiwan eksotik seperti ular, musang, rakun dan iguana.

Menurutnya, dia sendiri turut memelihara dua ekor rakun yang dibeli dengan harga RM4,000 sejak sembilan bulan lalu.


"Saya tak kisah menghabiskan wang membeli haiwan terbabit kerana amat meminati haiwan terbabit.

"Sepasang rakun yang diberi nama Max dan Maxy ini amat mudah dijaga dan tidak banyak kerenah," katanya ketika ditemui pada Pameran Haiwan Eksotik sempena Hari Terbuka Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Kampus Kuantan, di sini.

Aziz Jaafar berkata, rakun tersebut gemar memakan buah-buahan selain palet kucing.

Katanya, selain rakun, dia turut memelihara tikus tanah di rumahnya.

Bagi Maslinda Abdul Karim, 46, dia memelihara sepasang musang sejak tiga tahun



Aziz Jaafar bersama salah seekor rakun peliharaannya.

lalu selepas suaminya Mohd Fandi Abdullah, 38, menjumpai seekor musang yang terjatuh daripada pokok ketika memasuki hutan.

Katanya, bermula dari situ, dia memohon lesen dengan Jabatan Perhilitan untuk memelihara haiwan terbabit.

"Kini selepas tiga tahun, sepasang musang tersebut sudah berjaya melahirkan tiga anak yang berusia enam bulan," katanya.